



PANDUAN PELAKSANAAN PELEPASAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN KE ATAS PEROLEHAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. PENDAHULUAN

YB Menteri Kewangan telah memberi pelepasan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri selaras dengan Subseksyen 56 (3)(a) Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP) 2014 dari dikenakan GST bagi perolehan perkhidmatan (kontrak kerja dan kontrak perolehan perkhidmatan bukan perunding). Surat Kementerian Kewangan ruj: 0.3865/356(SJ.4)(Jld.22)(SK.24)(7) bertarikh 12 Mei 2015 dan surat ruj:S/K.KEW/PK/MOF/D/41 SK.1(10) bertarikh 4 Mac 2015 adalah berkaitan.

YB Menteri Kewangan telah bersetuju memberi pelepasan di bawah subseksyen 56(3)(b) Akta CBP 2014 ke atas projek *Public Private Partnership* (PPP) iaitu projek-projek penswastaaan d bawah seliaan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) melalui Surat Kementerian Kewangan ruj: 0.3865/356(SJ.4)(JLD.23)(SK.4)(8) bertarikh 30 Jun 2015.

2. TUJUAN

Tujuan panduan ini disediakan untuk membantu:

- i) Kontraktor/vendor yang membekalkan perkhidmatan kepada kerajaan.
- ii) Jabatan kerajaan yang mendapatkan pelepasan GST ke atas perolehan perkhidmatan.

3. PELEPASAN CBP

3.1 Pelepasan CBP yang diberi ke atas kontrak kerajaan adalah seperti berikut:

- i) Kontrak perolehan perkhidmatan iaitu kontrak kerja yang sedang berkuatkuasa di mana Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani sebelum 1 April 2015 dan tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015 , diberi pelepasan dari dikenakan GST sehingga kontrak tamat. Pelepasan yang sama juga diberi kepada kontrak perolehan perkhidmatan (kontrak kerja) yang sedang berkuatkuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan pelanjutan masa (*Extension of Time –EOT*).
 - ii) Kontrak perolehan perkhidmatan bukan perunding (contohnya sewaan, penyelenggaraan, pembersihan) yang tidak dikenakan Cukai Perkhidmatan sebelum 1 April 2015 diberi pelepasan dari dikenakan GST sehingga **31 Mac 2017 atau tarikh tamat kontrak** , mana yang lebih awal dengan syarat kontrak sedang berkuatkuasa di mana Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani sebelum 1 April 2015 dan tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015.
- 3.2 Perolehan Perkhidmatan Perunding dan bukan perunding yang dikenakan cukai perkhidmatan sebelum 1 April 2015 adalah tertakluk kepada kenaan GST walaupun SST telah ditandatangani sebelum 1 April 2015 dan kontrak melangkaui tarikh tersebut.
- 3.3 Sila rujuk para 3, Panduan Pelaksanaan Butiran 3, Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 bagi menentukan sama ada pembekalan barang/perkhidmatan.
- 3.4 Projek-projek di bawah *Public Private Partnership (PPP)* YANG MENDAPAT PELEPASAN GST:
- 3.4.1 Syarikat konsesi diberi pelepasan dari mengenakan GST mulai 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2017 ke atas *Availability charges* bagi projek *Build-Lease-Maintain-Transfer* yang mana perjanjian telah ditandatangani sebelum 1 April 2015.

“Availability charges” merujuk kepada bayaran sewaan pajakan kecil (*sublease rental*) yang kena dibayar oleh Kerajaan kepada

syarikat konsesi/kontraktor ke atas kemudahan dan infrastruktur yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak didalam perjanjian konsesi. Pajak kecil (*sublease*) kemudahan dan infrastruktur yang disediakan oleh syarikat konsesi /kontraktor adalah merupakan pembekalan perkhidmatan .

3.4.2 Syarikat konsesi / kontraktor diberi pelepasan dari mengenakan GST mulai 1 April 2015 sehingga tempoh kajian semula kadar atau 31 Mac 2017 yang mana terdahulu ke atas *maintenance charges* dan *asset replacement programme charges* bagi projek *Build-Lease-Maintain-Transfer* yang mana perjanjian telah ditandatangani sebelum 1 April 2015;

Maintenance charges adalah merujuk kepada perkhidmatan dan kerja-kerja yang berkaitan dengan penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur yang dikehendaki dijalankan mengikut Manual Perkhidmatan Pengurusan Aset semasa tempoh perkhidmatan pengurusan aset.
dan

3.4.3 Syarikat konsesi /kontraktor diberi pelepasan dari mengenakan GST kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri ke atas perolehan perkhidmatan mulai 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2017 bagi perjanjian yang telah ditandatangani sebelum 1 April 2015 ke atas program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) dan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH)

4. TIDAK MENDAPAT PELEPASAN GST

4.1 Projek di bawah *Public Private Partnership (PPP)* dan perjanjian konsesi

Semua perolehan perkhidmatan kerajaan yang berkaitan projek penswastan dan perjanjian konsesi seperti sewaan, penyelenggaraan, pembersihan dan lain-lain walaupun perjanjian telah ditandatangani sebelum 1 April 2015 (kecuali para 3.4 di atas). Contohnya, Sewaan bangunan untuk projek *Build Lease Transfer* tertakluk kepada kenaan GST pada kadar standard.

4.2 Kaedah bayaran secara pukal

Semua bayaran yang dibuat SECARA PUKAL seperti bekalan perkhidmatan telekomunikasi, pembentungan, perjalanan udara, Touch n Go, sewaan bangunan dan sewaan serta penyelenggaraan kenderaan kereta jabatan tidak mendapat pelepasan GST. Ini bermaksud Pejabat Perakaunan/Jabatan Kerajaan perlu membayar

GST yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan tersebut. Contohnya, sewaan bangunan di mana perjanjian telah ditandatangani sebelum 1 April 2015 tetapi dibayar secara pukal (bukan bulanan) dikenakan GST.

5. PENGELUARAN SIJIL

5.1 Kementerian Kewangan telah menetapkan melalui surat ruj:0.3865/356(SJ.4)(Jld.22)(SK.24) SEM(7) bertarikh 17 Jun 2015 untuk tempoh peralihan iaitu sehingga **31 Disember 2015** sijil pelepasan untuk perolehan perkhidmatan **TIDAK PERLU** dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

5.2 Disepanjang tempoh peralihan tersebut, mekanisma penggunaan 1PP dan Salinan SST seperti mana yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perolehan Kerajaan adalah terpakai. Selepas tempoh peralihan tersebut, Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri yang membuat perolehan Kerajaan perlu mengeluarkan satu Sijil Pelepasan dari dikenakan GST (*Certificate of GST Relief / CoGSTR*) di bawah Seksyen 56(3)(a) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Contoh Sijil seperti di Lampiran 'A'.

5.3 Jabatan Kerajaan yang berkaitan perlu mengemukakan CoGSTR kepada syarikat konsesi untuk mendapatkan pelepasan GST.

6. PROSEDUR PELAKSANAAN

6.1 Jabatan Kerajaan

Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang telah menandatangani kontrak dengan kontraktor/vendor akan mengeluarkan sijil pelepasan untuk

perolehan perkhidmatan yang ditandatangani oleh ketua jabatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

6.2 Kontraktor/Vendor/Syarikat Konsesi

- i) Bagi mendapatkan pelepasan daripada mengenakan dan memungut GST atas pembekalan perkhidmatan yang dibuat kepada jabatan kerajaan, pihak kontraktor/vendor hendaklah mengeluarkan invoice cukai dengan menyatakan klausa seperti berikut:
"Perolehan perkhidmatan Kerajaan yang diberi pelepasan CBP di bawah Seksyen 56(3)(a) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014"
- ii) Syarikat Konsesi perlu memastikan setiap invoice yang dikeluarkan menyatakan klausa berikut:
"Pelepasan di bawah Seksyen 56(3)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014"
- iii) Pihak pembekal hendaklah mengikrar dalam Butiran 13, Bahagian C, Penyata GST-03, jumlah nilai pembekalan diberi pelepasan CBP.
- iv) Pihak pembekal hendaklah menyimpan rekod berkaitan pembekalan yang tidak dikenakan CBP di mana melibatkan tuntutan cukai input bagi tujuan pemeriksaan / pengauditan pegawai CBP.

7. KESIMPULAN

Diharap panduan ini dapat membantu jabatan kerajaan persekutuan dan negeri bagi mendapatkan pelepasan GST atas perolehan perkhidmatan dan juga membantu pihak kontraktor/vendor tidak mengenakan dan memungut GST.

Panduan pelaksanaan pelepasan cukai barang dan perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan kerajaan yang dikeluarkan oleh JKDM hendaklah dibaca bersama 1PP di Portal Rasmi Kementerian Kewangan berkaitan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil.PK1/2013.

Bagi perolehan bekalan, sila rujuk Panduan Pelaksanaan Butiran 3, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014.

8. PEMBATALAN

Dengan pengeluaran panduan ini, Panduan Pelaksanaan Pelepasan Cukai Barang Dan Perkhidmatan Ke atas Perolehan Perkhidmatan Kerajaan bertarikh 26 Jun 2015 adalah dibatalkan.

Untuk Sebarang pertanyaan atau maklum balas sila hubungi:

i) Tuan Abd. Razak bin Ahmad Arshad)
Email : razak.arshad@customs.gov.my
Tel : 03-88822792

ii) Tuan Roslan Bin Akibon
Email : roslan.akibon@customs.gov.my
Tel : 03-83111304

Tarikh Pindaan : 17 Oktober 2015

Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Pindaan 2/2015

**SIJIL PELEPASAN BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN
(OLEH KERAJAAN)**

**DI BAWAH SEKSYEN 56(3)(a) AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perolehan perkhidmatan adalah bagi kontrak/projek seperti berikut :

Nama kontrak/projek : _____

(Jenis Perkhidmatan : _____)

Tempoh kontrak/projek : _____

diperolehi daripada (Kontraktor) : _____

dibekalkan kepada (Jabatan Kerajaan): _____

dan pelepasan daripada dikenakan CBP di bawah Seksyen 56 (3)(a) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 adalah dituntut.

Tandatangan _____

Nama _____

No. Kad Pengenalan _____

Pangkat _____

Tarikh _____

Nota : Ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.
(Pengesahan hendaklah menggunakan cop rasmi jabatan)